

21/03/2000

Ubah tarikh: Perwakilan terkejut

TUMPAT, Isnin- Sebilangan besar daripada 327 perwakilan Umno bahagian ini terkejut dengan tindakan pengurusan Umno bahagian itu menunda tarikh persidangan perwakilan yang sepatutnya diadakan 25 Mac ini.

Notis terbaru bertarikh 10 Mac yang dikeluarkan Umno bahagian itu menyatakan mesyuarat agungnya akan berlangsung pada 31 Mac, bukan 25 Mac seperti yang diputuskan dalam mesyuarat khas lalu.

Mengikut sumber, penundaan itu dibuat dengan alasan kononnya perwakilan Umno bahagian Jeli yang bertindak sebagai pemerhati pada persidangan bahagian itu tidak dapat hadir pada 25 Mac kerana sebab-sebab tertentu.

Bagaimanapun, katanya, kebanyakan perwakilan mempertikaikan kesahihan notis itu kerana ia dibuat tanpa mengadakan mesyuarat khas, sebaliknya berdasarkan keputusan individu tertentu.

Beberapa perwakilan ketika dihubungi Berita Harian, di sini, menyatakan rasa kesal dengan tindakan ketua Umno bahagian itu yang sewenang-wenangnya menetapkan tarikh itu tanpa berbincang dengan ahli jawatankuasa.

"Penundaan ini memang tidak wajar sama sekali kerana tidak diputuskan dalam mesyuarat khas sebagaimana sebelum ini. Tambahan pula hampir semua perwakilan sudah bersiap sedia untuk menghadiri persidangan yang ditetapkan pada 25 Mac ini.

"Ini seperti ada agenda tersembunyi cuba dilakukan pemimpin tertentu dalam bahagian apabila membuat keputusan secara bersendirian tanpa merujuk atau mendapatkan pandangan daripada ahli jawatankuasa," katanya.

Seorang lagi perwakilan mengaitkan penundaan tarikh mesyuarat bahagian itu sebagai muslihat politik berikutan majoriti perwakilan bersetuju mematuhi nasihat Majlis Tertinggi (MT) untuk mengekalkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Presiden. Katanya, perwakilan hanya akan bersetuju dengan tarikh baru itu jika keputusan itu dibuat mengikut peraturan melalui mesyuarat khas.

"Kalau nak tunda tak boleh pandai-pandai, perlu adakan mesyuarat khas dan bincang perkara berbangkit. Kalau semua setuju barulah boleh pinda tarikh mesyuarat," katanya. Ditanya kemungkinan wujud puak dalam bahagian itu, beliau berkata:

"Memang ada dua puak dalam Umno bahagian ini dengan satu puak menyokong Tengku Razaleigh bertanding jawatan Presiden dan Timbalan, manakala puak satu lagi mahu Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu bertanding jawatan Naib, bukan Presiden atau Timbalan Presiden," katanya.

Sementara itu, Naib Ketua Umno bahagian, Mat Nawawi Mat Jusoh, ketika mengesahkan notis baru itu berkata, penundaan terpaksa dibuat berikutan pengurusan bahagian tidak sempat membuat persiapan seperti menyediakan penyata dan sebagainya. Menurut beliau, perwakilan Umno bahagian Jeli tidak dapat hadir pada 25 Mac ini juga antara sebab kenapa tarikh mesyuarat agung ditetapkan pada 31 Mac.

(END)